



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Tee Boon Chuan. (2023). Benarkah morfologi bahasa Melayu sedia ada bersifat sekunder? *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 181 – 197. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.8>

BENARKAH MORFOLOGI BAHASA MELAYU SEDIA ADA BERSIFAT SEKUNDER?

(Is it True that the Existing Malay Morphology is Secondary?)

Tee Boon Chuan

Jabatan Pengajian Cina
Universiti Tunku Abdul Rahman

teebc@utar.edu.my

Received:12/4/2022

Revised: 7/2/2023

Accepted:1/4/2023

Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Morfologi adalah ilmu pembentukan kata, dan setiap kata dikatakan terbentuk daripada morfem iaitu unit bahasa terkecil yang mempunyai makna atau fungsi tatabahasa. Masalahnya ialah selain daripada morfem terikat (seperti awalan, akhiran dan sebagainya), banyak morfem bebas bahasa Melayu yang difahami selama ini masih boleh dianalisis lagi kepada unit lebih kecil seperti *bukit* kepada *bu-* dan *-kit* yang mana kedua-dua suku kata *bu-* dan *-kit* mempunyai makna masing-masing. Dengan ini objektif kajian makalah adalah untuk membezakan morfologi primer yang berdasarkan suku kata (sebagai unit bahasa terkecil) daripada morfologi sekunder sedia ada yang berdasarkan morfem “bebas” yang umumnya merupakan kata dua suku kata atau ke atas. Kaedahnya adalah dengan membuktikan kebanyakan morfem “bebas” bahasa Melayu adalah terikat pada suku kata serta maknanya sekali gus merupakan morfem terikat pada

hakikatnya. Dengan ini analisis morfologi Melayu sedia ada adalah bersifat sekunder dan perlu dilengkapi dengan analisis peringkat primer dengan memecahkan morfem-morfem “bebas” kepada unit lebih kecil lagi bermakna iaitu suku kata bahasa Melayu.

Kata Kunci: Morfologi, Melayu, sekunder, morfem, suku kata.

ABSTRACT

Morphology is the science of word formation, and each word is said to be formed from a morpheme which is the smallest unit of language that has a grammatical meaning or function. The problem is that apart from bound morphemes (such as prefixes, suffixes, etc.), many Malay-free morphemes that have been understood so far can still be analyzed into smaller units such as bukit (“hill”) to bu- and -kit where both syllables bu- and -kit have their respective meanings. With this the objective of the study of the paper is to distinguish the primary morphology based on syllables (as the smallest unit of language) from the existing secondary morphology based on “free-morphemes” which are generally two syllable words or above. The method is to prove that most of the “free-morphemes” of the Malay language are bound to syllables and their meanings are at the same time a morpheme bound in fact. With this, the existing Malay morphological analysis is secondary in nature and needs to be complemented with primary level analysis by breaking down the “free-morphemes” into smaller and more meaningful units, namely Malay syllables.

Keywords: Morphology, Malay, secondary, morphemes, syllables.

MORFEM BEBAS SEBAGAI MORFEM TERKECIL YANG TIDAK BOLEH DIANALISIS

Morfologi adalah salah satu cabang ilmu linguistik yang berkaitan dengan pembentukan kata. Secara khusus, cabang linguistik yang ini merujuk kepada keadaan suatu perkataan yang dikatakan terbentuk daripada unit bahasa lebih kecil yang tidak boleh dianalisis lagi. Dalam linguistik, unit perkataan terkecil ini diistilahkan sebagai morfem (*morphem*). Menurut morfologi Melayu, morfem dikatakan terdapat dua jenis iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas adalah unit bahasa terkecil yang bermakna dan boleh berdiri

sendiri. Contoh-contoh yang diberikan biasanya terdiri daripada / peluh/, /bunga/ dan /telur/ (Abdullah, 2006: 4). Morfem terikat adalah morfem yang mesti digunakan bersama morfem lain dan tidak boleh berfungsi sendiri dari segi tatabahasa. Contoh morfem terikat adalah seperti awalan *ber-* dalam perkataan *berpeluh*.

Bagi kebanyakan penulisan yang berkaitan dengan morfologi Melayu, morfologi adalah suatu ilmu bahasa yang mengkaji pembentukan kata tunggal atau dasar yang menghasilkan kata terbitan. Morfem bebas yang boleh berdiri sendiri adalah juga kata tunggal menurut pendekatan perkataan. Kata terbitan pula terdiri daripada kata berimbuhan, kata ganda, kata majmuk dan kata akronim (Abdullah, 2006: 7). Dalam bahasa lain, morfologi bahasa Melayu bertujuan mengkaji pembentukankata tunggal, umpamanya *budak*, yang kemudiannya menerbitkan kata terbitan seperti *kebudakan* (berimbuhan), *budak-budak* (berganda), *budak sekolah* (kata majmuk) dan sebagainya.

Tatabahasa Melayu sedia ada telah mengandaikan bahawa morfem bebas adalah juga kata tunggal yang tidak boleh dianalisis lagi. Walaupun kata tunggal “boleh mengandungi satu suku kata atau lebih daripada satu suku kata,” (Nik Safiah Karim et al., 2008: 50) tetapi kata itu tidak boleh dianalisis lagi kepada suku-suku kata yang lebih kecil. Ertinya kata tunggal dua suku kata *sua* tidak boleh dianalisis kepada *su-* dan *-a* kerana “masing-masing suku kata ini tidak mempunyai apa-apa makna” (Asmah, 2008: 112). Begitu juga dengan kata tunggal *gembi-ra* (tiga suku kata), *a-nu-ge-rah* (empat suku kata) dan seterusnya. Oleh sebab ketidakbolehan analisis ini, kata tunggal atau morfem bebas dinamakan juga sebagai kata *dasar* dalam kebanyakan buku morfologi Melayu.

Makalah ini bertujuan mencadangkan analisis baru terhadap gejala morfologi bahasa Melayu.

BENARKAH SUKU KATA BAHASA MELAYU TIDAK BERMAKNA?

Menurut morfologi Melayu sedia ada, morfem bebas sebagai unit bahasa terkecil adalah boleh terdiri daripada dua suku kata atau ke atas. Walaupun begitu, suku kata menurut morfologi Melayu sekarang tidak difahamkan sebagai unit bahasa terkecil kerana “tidak mempunyai apa-apa makna” yakni tidak boleh dianalisis lagi dari segi pemaknaan

atau semantik. Pemahaman sedemikian memang kedapatan di dalam morfologi bahasa-bahasa lain. Menurut Carstairs-McCarthy, morfem bebas *helpfulness* dan *un-Clintonish* dalam perkataan Inggeris adalah *help* dan *Clinton* (2002: 19). Sedangkan dari segi morfologi Inggeris, paling tidak *Clinton* adalah terdiri daripada suku kata *clin* (< *clint*) dan *ton* dengan maksud “tebing” dan “bandar” masing-masing (Agnes, 2000: 275). Dalam keadaan ini, apakah *Clinton* masih boleh dikatakan sebagai morfem bebas yang tidak boleh dianalisis lagi kononnya kedua-dua suku kata *clin* dan *ton* “tidak mempunyai apa-apa makna”?

Permasalahan makalah ini tidak berkenaan dengan takrif atau denifisi “morfem” sebagai unit bahasa terkecil. Permasalahannya adalah berkenaan dengan kata dua suku kata (atau lebih) merupakan morfem bebas yang dikatakan tidak boleh dianalisis lagi. Dengan erti kata yang lain, kebanyakan morfem bebas bersuku kata dua atau ke atas menurut makalah ini adalah boleh dianalisis kepada unit bahasa lebih kecil iaitu suku kata kerana ia adalah bermakna. Dengan ini morfem bebas sebenarnya adalah morfem terikat kerana suku-suku kata tidak boleh berdiri sendiri melainkan bergabung dengan suku kata lain demi membentuk suatu perkataan. Jika morfem bebas pada hakikatnya adalah masih boleh dianalisis kepada suku kata yang tidak boleh berdiri sendiri maka ia adalah merupakan morfem terikat. Dengan ini permasalahan kajian makalah ini bolehlah dirumuskan sebagai: apakah morfem bahasa Melayu adalah suku kata dan bukan kata (tunggal) yang selama ini dipercayai dan digolongkan sebagai morfem bebas bahasa Melayu?

Permasalahan makalah ini adalah berasas. Dari satu segi, penulis *The Morphology of Malay* (1974) dan *Morfologi* (2006) menjelaskan bahawa “unsur seperti *rumah*, *pokok*, *udara*, *jalan*, *duduk*, *lari*, *tinggi* dan *laju* juga tidak dapat dijadikan unsur yang lebih kecil lagi” dan membentuk morfem bebas dalam bahasa Melayu (Abdullah, 2006: 2, 5). Dari segi yang lain, ahli morfologi yang menjadi rujukan *The Morphology of Malay* dan *Morfologi* iaitu Eugene A. Nida telah memberikan gambaran lain tentang morfem seperti berikut:

Morphology is the study of morphemes and their arrangements in forming words. Morphemes are the minimal meaningful units which may constitute words or parts of words, e.g. re-, de-, un-, -ish, -ly, -ceive, -mand, tie, boy, and like in the combinations receive, demand,

untie, boyish, likely. The morpheme arrangements which are treated under the morphology of a language include all combinations that form words or parts of words. Combinations of words into phrases and sentences are treated under the syntax. (Nida, 1949: 1)

Terjemahan bahasa Melayu adalah seperti berikut:

Morfologi ialah kajian tentang morfem dan susunannya dalam membentuk perkataan. Morfem ialah unit bermakna terkecil yang boleh membentuk perkataan atau bahagian perkataan, seperti *re-*, *de-*, *un-*, *-ish*, *-ly*, *-ceive*, *-mand*, *tie*, *boy*, dan *like* dalam kombinasi *receive*, *demand*, *untie*, *boyish*, *likely*. Susunan morfem yang dirawat di bawah morfologi sesuatu bahasa merangkumi semua gabungan yang membentuk perkataan atau bahagian perkataan. Gabungan perkataan ke dalam frasa dan ayat dirawat di bawah sintaksis.

Selayang pandang, Nida sememangnya berpandangan bahawa terdapat perbezaan morfem antara yang membentuk perkataan (morfem bebas) dan bahagian perkataan (morfem terikat). Pokoknya ialah Nida tidak sekadar menunjukkan adanya morfem berbentuk terikat daripada awalan dan akhiran seperti *re-*, *de-*, *un-*, *-ish*, *-ly*, ia juga boleh berbentuk kata akar (*root*) termasuk *-ceive*, *-mand* yang terdiri daripada satu suku kata. Jika *-ceive*, *-mand* adalah morfem terikat, maka *tie*, *boy* dan *like* yang juga terdiri dari satu suku kata adalah morfem bebas. Ertinya morfem atau unit bahasa terkecil lagi bermakna adalah suku kata dan bukan yang difahami morfologi Melayu sedia ada iaitu “unsur seperti *rumah*, *pokok*, *udara*, *jalan*, *duduk*, *lari*, *tinggi* dan *laju* juga tidak dapat dijadikan unsur yang lebih kecil lagi.”

MEMBEZAKAN MORFOLOGI PRIMER DARIPADA MORFOLOGI SEKUNDA SEDIA ADA

Penyataan permasalahan kajian di atas menunjukkan adanya kekeliruan dalam mengertikan suku kata atau kata sebagai morfem dalam konteks morfologi Melayu. Awalan, akhiran dan sisipan difahamkan sebagai morfem terikat adalah tidak bermasalah. Namun kata bersuku kata dua atau ke atas digambarkan sebagai morfem bebas kononnya tidak

boleh dianalisis lagi adalah bermasalah. Contoh Nida di atas telah menunjukkan bahawa kata *receive*, *demand* (dua suku kata) boleh dianalisis lagi kepada *re-*, *-ceive* dan *de-*, *-mand* yang masing-masing merupakan morfem dalam bahasa Inggeris. Dengan ini, benarkah kata-kata seperti *rumah*, *pokok* tidak boleh dianalisis lagi kepada *ru-*, *-mah* dan *po-*, *-kok* dan seterusnya morfem bebas bahasa Melayu adalah terdiri daripada kata tunggal dua suku kata dan ke atas?

Objektif kajian makalah ini adalah untuk menunjukkan bahawa kata-kata *rumah*, *pokok* dan sebagainya masih boleh dianalisis lagi kepada suku kata lebih kecil lagi bermakna iaitu morfem bahasa Melayu adalah terdiri daripada satu suku kata. Kata-kata *rumah*, *pokok* bukan morfem bebas melainkan morfem terikat yang terdiri masing-masing daripada *ru-*, *-mah* dan *po-*, *-kok*. Dengan ini morfologi Melayu dapat dibezakan kepada dua bentuk atau peringkat iaitu morfologi primer dan morfologi sekunder seperti berikut:

Morfologi primer: pembentukan kata daripada suku kata (morfem) yang merupakan unit bahasa terkecil dan kata tunggal adalah terdiri daripada dua suku kata (atau lebih) secara umumnya.

- i. Morfologi sekunder: pembentukan kata tunggal (dua suku kata atau lebih) melalui pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan atau pengakroniman bagi menerbitkan kata baharu bersuku kata tiga dan ke atas (Abdullah, 2006: 7).

Dengan perkataan lain, morfologi Melayu sedia ada adalah bersifat sekunder kerana telah menjadikan kata dua suku kata sebagai kata dasar yang bakal diimbuh, diganda, dimajmuk atau diakronimkan. Sedangkan kata dua suku kata masih boleh dianalisiskan kepada suku kata yang lebih kecil lagi bermakna iaitu adanya morfologi peringkat primer dalam bahasa Melayu.

KAJIAN KEPUSTAKAAN DAN KAEDAH PENGKAJIAN

Secara umum kajian morfologi bahasa Melayu adalah dimulakan dalam kerangka kajian morfologi bahasa Austronesia. Menurut pelopor kajian ini, Brandstetter tidak menilai bahasa Melayu sebagai bahasa tipikal dalam keluarga besar bahasa Austronesia (1916: vii). Keadaan ini tidak banyak berubah dalam kajian penerus termasuk Dempwolff (1934-1938) dan Dahl (1976). Pada masa yang sama, kajian morfologi berlandaskan bahasa Melayu telah mula dilakukan oleh Bador (1964),

Hendon (1966) hingga Abdullah Hassan (1974). Dengan ini kajian morfologi bahasa Austronesia secara umum dan bahasa Melayu secara mengkhusus adalah perlu ditinjau keberkaitannya dengan permasalahan kajian tersebut atas.

Dari segi morfologi bahasa Melayu, morfologi bahasa Melayu bersifat sekunder boleh dikatakan sudah menjadi fahaman umum tentang bahasa Melayu hingga hari ini baik di Malaysia mahupun dalam konteks bahasa Indonesia. Morfologi bahasa Melayu yang dijelaskan dalam buku-buku linguistik umum (Akmajian, 2002; Othman, 2004; Hassan, 2005; Nazir, 2013; Chapakiya, 2021), tatabahasa Melayu (Othman, 1985; Mahmood, 1997; Abdullah, 2002; Kho, 1991 & 2019) atau morfologi Melayu (Husian, 1994; Nazir, 2013; Onn, 2021) memang tidak berkelainan daripada pandangan Abdullah, Nik Safiah dll., Asmah dan lain-lain yang telah dikemukakan atas, iaitu unit bahasa terkecil dalam bahasa Melayu adalah termasuk kata (biarpun berbilang suku kata) dan pembentukan kata adalah kata terbitan baharu melalui pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan sebagainya. Asmah dalam sebuah buku nahu juga menjelaskan sedemikian:

Bentuk *makanan* boleh dipecahkan kepada dua unsur: (i) makan (ii) -an. Tiap-tiap satu unsur ini tidak dapat dipisahkan lagi ke dalam unit yang lebih kecil yang mempunyai makna. Kata *makan* boleh dipecahkan kepada dua suku kata, *ma* dan *kan*. Tetapi *ma* dan *kan* tidak mempunyai apa-apa makna, dan dengan itu bukan unit nahu. (2015: 119)

Keadaan yang sama juga berulang pada kajian morfologi bahasa Indonesia (Kridalaksana, 1996; Chaer, 2002; Mulyono, 2013) dan disahkan oleh sesetengah kajian bandingan morfologi bahasa Melayu-bahasa Indonesia (Asmah, 1968; Alwi, 2013).

Manakala kajian morfologi bahasa Austronesia Brandstetter yang dilangsungkan oleh Nothofer (1975), Blust (1988), Adelaar (1992) dan kajian Asmah dalam *Rekonstruksi Kata dalam Bahasa Melayu Induk* (1995) wajar mendapat perhatian khusus. Berbeza dengan pandangan yang dikemukakan sebelum, Asmah mengusulkan bahawa kata *hurai* (sebagai contoh) adalah terbentuk daripada *hu-* (pembentuk) dan *-rai* (akar jati) masing-masing bertaraf morfem:

Oleh kerana akar jati mendukung konsep dan makna, maka akar jati bolehlah dikatakan bertaraf morfem. Dengan itu, satu akar jati

boleh dikatakan sama dengan satu morfem. Pembentuk juga didapati mendukung makna. Perhatikan bagaimana pembentuk *u-*, *hu-*, *ce-*, *le-* dan *ki-* memberi makna yang berbeza-beza dengan timbulnya *urai*, *hurai*, *cerai*, *lerai* dan *kirai*. Demikian juga halnya dengan pembentuk *ki-*, *li-*, dan *pu-* dalam *kitar*, *litar*, dan *putar*. Berdasarkan itu, maka pembentuk-pembentuk juga boleh dianggap sebagai morfem (Asmah, 1995: 17).

Pandangan sedemikian sungguh berbeza daripada pandangan sebelum yang mengatakan bahawa suku kata “*ma* dan *kan* tidak mempunyai apa-apa makna.” Bahkan Asmah menjelaskan bahawa pembentukan kata dari pembentuk dan akar jati adalah mendahului pembentukan kata dari kata dasar ke kata terbitan dari segi proses dan masa:

Dengan bertitik tolak dari akar jati dan pembentuk, maka kita dapat melihat proses-proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat. Jika sekarang ini ada kata dasar dan kata terbitan, maka dalam zaman dahulu ada akar jati dan akar terbitan (Asmah, 1995: 136).

Berbanding dengan morfologi berimbuhan, morfologi pembentuk (dan akar jati) adalah lebih mendahului dari segi proses pembentukan kata bahasa Melayu:

Jelaslah kepada kita bahawa dalam sejarah sesuatu bahasa, pembentuk lebih dahulu berkembang dari awalan (Asmah, 1995: 27).

Kedua-dua maksud ini telah mampu menjelaskan bahawa Asmah, dalam kajian tersebut, mempercayai bahawa pembentukan kata dari pembentuk dan akar jati adalah mendahului atau primer, sedangkan pembentukan kata dari kata dasar dan kata terbitan adalah terkemudian dan bersifat sekunder. Namun begitu, Asmah tidak terus berpegang dengan pandangan sedemikian dalam kajian-kajian morfologi Melayu yang diterbitkan selepas 1995 baik dalam konteks bahasa Melayu secara umum (2008) ataupun nahu Melayu secara mengkhusus seperti *Teori Asas Nahu* (2015), *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa Yang Baik dan Betul* (2018) dan sebagainya.

Dengan ini kajian Asmah telah meninggalkan suatu masalah yang menantikan pengesahan lanjut: apakah kajian Asmah (1995) mengenai morfologi Melayu adalah benar dan morfologi primer bahasa Melayu

adalah terdiri daripada pembentuk dan akar jati yang merupakan morfem Melayu dalam bentuk satu suku kata? Bagi pengesahan masalah ini, kaedah pengkajian yang dicadangkan dalam makalah ini adalah sangat umum iaitu seperti yang dihuraikan di bawah.

Pertama, kaedah analisis konseptual (*conceptual analysis*) yang lebih ketat, bagi mengenal pasti sama ada morfem bebas yang difaham dan digolongkan selama ini adalah menepati ciri morfem iaitu merupakan unit bahasa terkecil yang tidak boleh dianalisis dalam bahasa Melayu?

Kedua, kaedah bandingan morfologi dari bahasa Inggeris dan Melayu, bagi menjelas dan menerangkan perbezaan bentuk morfem dalam bahasa Inggeris dan Melayu kerana morfem bahasa Melayu mungkin telah disama dan disalahertikan menurut contoh bahasa Inggeris.

Dengan erti kata yang lain, masalah Asmah akan dikupas melalui kaedah analisis konseptual yang lebih ketat bagi menentukan fahaman mana yang menepati ciri morfem bersandarkan kerangka bahasa Inggeris dan Melayu.

KEBOLEHPECAHAN KATA MELAYU KEPADA SUKU KATA BERMAKNA

Seperti mana yang difahami umum, morfem adalah didefinisikan sebagai “unit tatabahasa terkecil yang bermakna” (*the smallest meaningful grammatical unit*), dan Asmah (2015: 117) sendiri telah menyenaraikan kedua-dua ciri penting morfem dalam bentuk berikut:

- i. Ia merupakan unit yang paling kecil dalam nahu, dan
- ii. Ia merupakan unit yang mendukung makna

Dari segi amalan, Asmah adalah kurang konsisten dalam pencirian tersebut:

- i. Menurut pendekatan umum (2008, 2015, 2018), kata *makanan* dikatakan terdiri daripada morfem *makan* dan *-an* dan *makan* tidak boleh dianalisis lagi kerana “*ma* dan *kan* tidak mempunyai apa-apa makna;”
- ii. Menurut pendekatan yang lain (1995), kata *makan* dikatakan terdiri daripada pembentuk *ma-* dan akar jati *-kan* yang bermakna justeru bertaraf sebagai morfem;

Implikasi kepada kajian morfologi Melayu adalah seperti yang berikut:

Jika benar kata *makanan* hanya boleh dipecahkan kepada dua unit terkecil iaitu *makan* dan *-an*, maka pendekatan umum yang mengatakan morfem Melayu terdiri daripada morfem bebas (*makan*) dan morfem terikat (*-an*) selama ini adalah benar;

- i. Jika kata *makan* boleh dipecahkan lagi kepada *ma-* dan *-kan*, maka yang dikatakan morfem bebas pada hakikatnya adalah morfem terikat iaitu morfem Melayu adalah bersifat morfem terikat (menurut kebanyakan kata bahasa Melayu);

Sebagai penerus kajian Brandstetter, kajian Blust (1988) dan Asmah (1995) khususnya amat menyakinkan bahawa unit terkecil bahasa Austronesia termasuk bahasa Melayu adalah *ma-* dan *-kan* dan ia didapati adalah bermakna (1995: 9-10). Sebagai contoh, Asmah telah mengesani kedua-dua pembentuk dan akar jati berpolakan makna berikut:

- i. Dengan pembentuk *lon-* (*lom-*) yang membawa konsep “naik tinggi”:
lompat
lontar
lonjak
loncat (1995: 23-25)
- ii. Dengan akar jati *-pat* yang membawa konsep “bergerak dengan cepat”:
cepat
lompat
rampat
rempat
sempat (1995: 23, dengan tambahan contoh kata oleh pengkaji)
- iii. Dengan akar jati *-tar* yang membawa konsep “pergerakan yang mengikut arah bulatan”:
kitar
litar
lontar
putar (1995: 11-12)

Dengan ini maksud *lompat* adalah gabungan makna *lom-* “naik tinggi” dan *-pat* “bergerak dengan cepat” yang menerbitkan maksud kamus sebagai “perbuatan bergerak dengan cepat dengan mengangkat kedua-dua kaki dari tanah terus ke atas atau ke depan” (*Kamus Dewan*, 2005: 953). Manakala makna *lon-* “naik tinggi” yang digabungkan dengan akar jati *-tar* “pergerakan yang mengikut arah bulatan” juga berupaya menerbitkan maksud kamus baharu yang lain iaitu “membuang jauh-jauh atau tinggi-tinggi; melempar; membaling.” (*Kamus Dewan*, 2005: 956) Contoh seterusnya memang dapat dilanjutkan dengan gabungan akar jati *-jak*, *-cat* dan sebagainya, namun kesannya adalah sama dengan contoh *lompat*, *lontar* yang telah ditunjukkan atas. Ini adalah bukti kata-kata seperti *makan*, *lompat*, *lontar* dan lain-lain yang berbilang suku kata bukan merupakan morfem bebas dalam bahasa Melayu kerana ia masih boleh dipecahkan kepada unit lebih kecil lagi bermakna iaitu suku kata. Dengan ini, yang dikatakan morfem bebas bahasa Melayu selama ini adalah merupakan morfem terikat yang terdiri daripada suku-suku kata yang bermakna.

Apakah sebabnya kata berbilang suku kata seperti *makan*, *lompat*, *lontar* hingga *rumah*, *pokok* yang dikemukakan sebelum disifatkan sebagai morfem bebas iaitu unit bahasa terkecil yang boleh berdiri sendiri tanpa penggabungan morfem lain dalam bahasa Melayu? Dalam bahasa Inggeris, Nida telah menjelaskan bahawa kata-kata *receive* dan *demand* (dua suku kata) boleh dianalisis lagi kepada *re-*, *-ceive* dan *de-*, *-mand* masing-masing dan bukan merupakan morfem bebas. Berbeza dengan bahasa Melayu, morfem bahasa Inggeris yang juga merupakan kata yang boleh berdiri sendiri sekali gus merupakan morfem bebas memang banyak kedapatan. Cuba lihat ayat berikut:

I need to go now, but you can stay

Setiap kata ini memang tidak boleh dianalisis lagi kerana ia terdiri daripada aksara-aksara a, b, c yang tidak mendukung sebarang makna (kecuali aksara a bagi maksud “suatu” dan i bagi maksud nama ganti diri pertama). Dengan ini ia merupakan unit bahasa terkecil yang terbentuk daripada satu suku kata yang menepati makna sebagai morfem bebas. Sedangkan ayat tersebut bila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu akan menjadi ayat sedemikian:

Saya perlu pergi sekarang, tetapi anda boleh tinggal

Semua kata dalam ayat ini adalah terdiri daripada kata dua suka kata dan ke atas. Menurut pendekatan morfologi Melayu sedia ada, kesemua kata ini akan digolongkan sebagai morfem bebas kerana masing-masing boleh berdiri dengan maknanya sendiri. Namun apakah ia menepati ciri morfem lain iaitu ketidakbolehpemecahan kepada unit bahasa lebih kecil lagi bermakna? Sebagai contoh, kata *tinggal*:

- i. Dengan pembentuk *ting-* yang membawa konsep “berlekat atau melekatkan”:

tinggal

tingkah (“perbuatan ganjil” kerana *-kah* berkaitan laku, kelakuan)

tingkap (“jendela” kerana *-kap*, “menutup, mencangkum”)

tingkar (“mengelilingi” kerana *-kar*, “berbentuk kurungan”)

tingkat (“lapis, lenggek” kerana *-kat*, “sukat, lapis”)

tingkuh (“berbantah, bertengkar” kerana *-kuh*, “suka meninggikan hati”)

- ii. Dengan akar jati *-gal* yang membawa konsep “kerat, potong”:

tinggal

gagal (ga-, “lepas, hilang”, sama dengan *gadai*, *gapai*, *gasing*)

janggal (“tidak lekat pada tempurung” kerana *jang-*, “tidak lekat”, sama *jangkau*, *jangkar*, *jangkit*)

tanggal (tang-, “lucut, jatuh”, sama dengan *tangguh*, *tangkai*, *tanggam*)

pegal (“kaku, tegang” kerana *pe-*, “tegar”, sama *pecah*, *pegun*, *pejal*)

penggal (peng-, “bahagian”, sama dengan *pengkar*, *penggah*)

punggal (“terkerat hujung atau pucuknya” kerana *pung-*, “hujung, ekor”, sama *pungguk*, *punggung*, *pungkur*)

Menurut penganalisaan ini, pembentuk *ting-* “berlekat atau melekatkan” digabungkan dengan akar jati *-gal* “kerat, potong” menerbitkan maksud kamus peri melekatkan diri dalam potongan (kawasan) yang difahami sekarang sebagai bermukim atau menetap. Dengan ini kata *tinggal* (dan lain-lain contoh kata di atas) masih boleh dianalisis kepada unit *ting-* dan *-gal* yang lebih kecil iaitu ia bukanlah berbentuk morfem bebas.

Pada sisi yang lain, penutur bahasa Melayu natif jarang menerbitkan ayat yang sepadan dengan terjemahan ayat *I need to go now, but you*

can stay yang kebetulan terdiri daripada kata-kata yang memang merupakan unit terkecil (satu suku kata) iaitu morfem bebas dalam bahasa Inggeris. Kebanyakan morfem bebas bahasa Melayu adalah terdiri daripada kata ganti nama diri (*ia, ku, hang, cik, wan* dan sebagainya), kata sendi (*di, ke* dan sebagainya) dan kata adverba atau partikel (contoh terhad pada *dan* dan *yang*). Sedangkan keseluruhan kata-kata nama, kerja, adjektif, adverba, hubung, sendi, tugas dan lain-lain bahasa Melayu memang lebih menyerlah sebagai kata dua suku kata dan ke atas. Dalam keadaan ini, kata-kata ini memang masih boleh dipecahkan kepada suku kata lebih kecil lagi bermakna seperti mana dapatan kajian Blust dan Asmah. Oleh sebab yang demikian, morfem bebas selama ini wajar dikenal pasti semula sebagai morfem terikat yang terdiri daripada pembentuk (suku kata pertama) dan akar jati (suku kata kedua yang menjadi tekanan makna) dalam menerbitkan sesuatu kata menurut struktur kata bahasa Melayu.

MORFOLOGI MELAYU LENGKAP TERDARI DARIPADA PRIMER DAN SEKUNDER

Menurut dapatan makalah tersebut atas, pandangan morfologi sedia ada yang mengatakan bahawa “unsur seperti *rumah, pokok, udara, jalan, duduk, lari, tinggi* dan *laju* juga tidak dapat dijadikan unsur yang lebih kecil lagi” hanya benar dari segi morfologi sekunder. Menurut pendekatan Brandstetter yang berlandaskan makna suku kata (akar, akar jati), kesemua kata (kebetulan dalam bentuk dua suku kata) boleh dianalisa menurut dua peringkat morfologi iaitu morfologi primer dan morfologi sekunder seperti berikut:

- i. Morfologi primer (kata *pokok* sebagai contoh)
 - a. Dengan pembentuk *po-* yang membawa konsep “memacak, mencucuk”:
 - pokok* (“kayu dari pangkal ke atas”)
 - pocak* (“menanam, menghunjam”)
 - pohon* (“pokok”)
 - pojok* (“penjuru; sudut; ruang”)
 - b. Dengan akar jati *-kok* yang membawa konsep “benda atau batang yang panjang”

pokok (“kayu dari pangkal ke atas”)
bengkok (“berkeloh”)
lengkok (“bahagian sesuatu yang bengkok”)
kokok (“mengukur”)
rokok (“tembakau yang dihiris halus-halus dan digulung dalam kertas yang nipis”)
bongkok (“bengkok badan”)
sengkok (“bengkok kaki atau tangan”)

Dalam peringkat morfologi primer, makna sesuatu kata adalah diterbitkan melalui gabungan makna suku kata. Kata *pokok* mendapat makna melalui akar jati *kok-* iaitu batang panjang yang dijelaskan kejadiannya daripada pembentuk *po-* iaitu pemajakan. Bentuk atau sifat *kok-* akan berubah bergantung pada pembentuk yang digabungkan. Bila ia bergabung dengan pembentuk *ro-* “berbentuk halus” maka akan menerbitkan sehimpunan kata *roda*, *rodek*, *rojol* (“menonjol keluar”), *rokok*, *rotan*, *royak* (“melebar”) yang berkaitan dengan makna berkenaan.

ii. Morfologi sekunder (yakni morfologi bahasa Melayu sedia ada)

- a. kata *pokok* dapat diterbitkan melalui pengimbuhan (sepokok, berpokok, memokoki, memokokkan, terpokok dan sebagainya), penggandaan (pokok-pokok) dan pemajmukan (pokok bunga, harga pokok dan sebagainya) bagi membentuk kata baharu; dan,
- b. jika tekanan makna kata dalam peringkat primer adalah bergantung pada suku kata kedua, maka makna kata terbitan dalam peringkat sekunder adalah bergantung pada kata dasar iaitu *pokok* menurut contoh ini. Dengan ini, kajian morfologi Melayu sedia ada wajar dilengkapi dengan penganalisaan peringkat primer peri bahasa Melayu mendapat kata serta maknanya melalui gabungan suku kata dan makna.

KESIMPULAN

Morfologi Melayu sekunder memang telah berkembang bahkan mendapat bentuk mantap semenjak penerbitan *The Morphology of Malay* pada 1974. Kajian morfologi Melayu primer yang berpaksikan

pada makna suku kata memang jauh lebih payah lagi rumit berbanding dengan morfologi Melayu melalui pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan sebagainya. Namun begitu, kajian morfologi Melayu primer perlu digiat dan dipesatkan kerana ia merupakan proses pembentukan kata bahasa Melayu sebenar yang bertitik tolak dari morfem iaitu unit bahasa terkecil lagi bermakna yang berbentuk suku kata.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bertanggungjawab menyelaras keseluruhan makalah ini.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1974). *The Morphology of Malay*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2002). *Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar*. PTS Publications & Distributor.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. PTS Publications & Distributor.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. PTS Professional.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto Malayic: The Reconstruction of its Phonology and Parts of its Lexicon and Morphology*. The Australian National University.
- Agnes Michael. (2000). *Webster's New World College Dictionary: New Millennium Fourth Edition*. Wiley Dreamtech India.
- Akmajian, Adrian. (2002). *Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alwi Hasan. (2013). *Perbandingan antara Tatabahasa Dewan dengan Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1985). *Belajar Tatabahasa dan Bahasa Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti.
- Arbak Othman. (2004). *Pengantar Linguistik Am*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1968). *Morfologi - Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Perbandingan Pola*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1995 / 2019). *Rekonstruksi Kata dalam Bahasa Melayu Induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2015). *Teori Asas Nahu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2018). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa Yang Baik dan Betul*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bador, Z. A. (1964). *Word Forms in the Malay of Negri Sembilan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. University of London.
- Blust, Robert A. (1988). *Austronesian Root Theory: An Essay on the Limits of Morphology*. John Benjamins Pub.
- Brandstetter, R. (1916). *An Introduction to Indonesian Linguistics*. Trans. by C. O. Blagden. The Royal Asiatic Society.
- Carstairs-McCarthy, Andrew. (2002). *An Introduction to English Morphology: Words and Their Structure*. Edinburgh University Press.

- Chaer, Abdul. (2002). *Morfologi Bahasa Indonesia*. Rineka Cipta.
- Chapakiya, Suraiya. (2021). *Konsep Asas Linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dahl, Otto Chr. (1976). *Proto-Austronesian*. 2nd rev. ed. Scandinavian Institute for Asian Studies.
- Dempwolff, O. (1934-1938). *Vergleichende Lautlehre des austronesischen Wortschatzes*. 3 vols. Dietrich Reimer.
- Farid M. Onn. (2021). *Aspek Fonologi dan Morfologi Bahasa Melayu: Pendekatan Generative*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendon, Rufus S. (1966). *The Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay*. Hew Haven: Dept. of Anthropology, Yale Universi
- Husain, Amdun. (1994). *Morfologi dalam Pembinaan Bahasa Melayu*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kho, Thong Eng. (1991). *Intisari Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Sadong Press.
- Kho, Thong Eng. (2019). *Kupasan Tatabahasa Bahasa Melayu (jilid 1) - Fonologi dan Morfologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana, Harimurti. (1996). *Pembentukan Kata Dalam Bahasa Indonesia*. Gramedia Pustaka Utama.
- Mahmood, Hamzah. (1997). *Pembentukan Tatabahasa Melayu Mengikut Proses Hukum Morfologi dan Sintakis*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mulyono, Iyo. (2013). *Ilmu Bahasa Indonesia Morfologi: Teori dan Sejumpt Problematic Terapannya*. Yrama Widya.
- Nazir, Faridah. (2013). *Morfologi bahasa Melayu*. Penerbitan Multimedia.
- Nazir, Faridah. (2013). *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*.
- Nida, Eugene A. (1949). *Morphology: A Descriptive Analysis of Words*. The University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim. (2008). *Tatabahasa Dewan*, edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nothofer, B. (1975). *The Reconstruction of Proto-Malayo-Javanic*. 'S-Gravenhage – Martinus Nijhoff.